



KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	20/7/2018	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



Tapir lebih terkenal dengan panggilan tenuk atau cipan mampu mencapai berat lebih 300 kilogram bagi usia dewasa.

PKHL Sungai Dusun tempat pemulihan tapir

ULU BERNAM - Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL) Sungai Dusun di Felda Soeharto, Ulu Bernam yang ditubuhkan sejak 2004 berfungsi sebagai tempat rawatan dan pemulihan tapir cedera serta melaksanakan program pembiakan.

Tapir dilindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar dengan populasi sekitar 1,200 hingga 1,500 ekor di Semenanjung Malaysia dan berkurangan akibat pelbagai faktor.

Sebanyak 12 anak tapir berjaya dilahirkan di pusat konservasi itu selain menerima lebih seratus kes konflik seperti sesat membabitkan haiwan liar tersebut dari seluruh negara.

Penolong Pegawai Perhilitan Selangor, Enos Jeoffry berkata, terdapat 13 kakitangan yang bertanggungjawab mengurus kesemua tapir dan melakukan kerja pemantauan.

"Seawal jam 8 pagi, kakitangan bertugas memulakan rutin harian mencuci kandang dan membersihkan najis bagi memastikan haiwan tersebut bebas daripada sebarang bakteria yang boleh menjejaskan tahap kesihatan.

"Haiwan injakan diberi makan dua kali sehari seperti daun nangka, senduduk, keledak, sengkuang serta dedak dengan jumlah makanan bergantung kepada berat tapir berkenaan.

"Di sini juga mempunyai kawasan hutan dan tapir dilepaskan dengan pemantauan agar tidak tertekan di dalam kandang,"katanya.